

Dagangan : COPPER WIRE WASTE AND SCRAP Nama Perdagangan : Strand Wire Copper Scrap Model : PVC & PE (insulated)		Kod Tarif : 7404.00.00 00 (PDK 2017) Tarikh Kelulusan : 24 September 2019
<u>Keterangan Barangan :</u>		
1.	Deskripsi Barangan:	(1) Berdasarkan gambar barangan yang dikemukakan, barangan dikenali sebagai <i>strand wire copper scrap</i> merupakan kabel atau wayar bersalut (<i>insulated cable or wire</i>) yang terdiri daripada pelbagai warna serta bentuk, saiz diameter yang tidak seragam dan panjang yang berbeza. (2) Barangan ini diimport bercampur-campur secara longgok (<i>bundles packaging</i>) di dalam beg jumbo tanpa <i>pallet packaging</i> dalam kontena. (3) Barangan ini berada dalam keadaan berselirat antara satu sama lain, telah rosak, tidak boleh diperbaiki dan tidak boleh digunakan lagi untuk tujuan asalnya.
2.	Material Buatan:	Berdasarkan pengesanan daripada pemohon, peratusan/nisbah bahan yang diperolehi daripada <i>Strand Wire Copper</i> ini adalah Copper : 56% dan Plastik : 44%.
3.	Spesifikasi Barangan :	(1) Wayar/kabel terpakai ini akan melalui proses pengasingan dan penguraian sebelum ia dipotong dan dikisar. (2) Kemudian ia akan melalui proses pengasingan di mana akan diasingkan kepada 2 bahagian iaitu elemen plastik dan logam copper. (3) Kepingan logam yang dikisar akan mendapatkan <i>copper scrap</i> .
4.	Gambar Sampel Barangan :	 <p>Gambar rajah 1: Gambar barangan semasa diimport</p>



Gambar rajah 2 : Gambar barangan selepas dikitar semula – *copper wire scrap*

		<p>Pengimportan barangan adalah bertujuan untuk dikitar semula di mana ia akan dileraikan dan diasingkan dari segi bahan untuk mendapatkan <i>copper dan plastic scrap</i>.</p>
6.	Rujukan (EN dan lain-lain) dan Justifikasi :	<p>(1) <i>Heading 74.04</i> kepada <i>Chapter 74</i> di dalam EN HS 2017 muka surat XV-7404-1.</p> <p>(2) Harga nilai scrap semasa ke atas barangan seperti berikut: (a) <i>Scrap insulated light wire 50% recovery</i> : \$0.71/lb @ \$1.565/kg = RM6.54/kg (b) <i>Scrap of plastic</i> : \$300/1t @ \$0.30 = RM1.26/kg</p> <p>Berdasarkan perbandingan pengiraan nilai komoditi, nilai bagi setiap kilogram <i>copper scrap</i> adalah 6 kali ganda daripada nilai setiap kilogram <i>plastic scrap</i> seperti pengiraan berikut: (a) <i>Copper Scrap</i> : Berat 56% x RM6.54/kg = RM366.24 (b) <i>Plastic Scrap</i> : Berat 44% x RM1.26/kg = RM55.44</p> <p>(3) Ini bermakna dari segi nilai harga nilai <i>copper scrap</i> adalah lebih tinggi berbanding nilai harga <i>plastic scrap</i>. Ini menjadikan <i>copper scrap</i> sebagai bahan utama (essential character) bagi keseluruhan barangan. Oleh itu, barangan adalah diklasifikasikan menggunakan Rukun 3b sebagai <i>copper waste/scrap</i> di bawah heading 74.04.</p> <p>(4) Barangan yang seakan sama pernah diklasifikasikan oleh Ibu Pejabat melalui rujukan KE.HT(96)431/01-1/(5504) 11-07-2018, KE.HT(96)431/01-1/(3845) 10-07-2015 & KE.HT(96)431/01-1/(1380) 28-12-2009.</p>

		(5) Walaubagaimanapun, pengesahan sama ada barangan adalah <i>waste and scrap</i> dari bahan berkaitan hendaklah dibuat oleh stesen import/eksport bagi pengesahan barangan sememangnya "not usable" sebagaimana dijelaskan di dalam Section Notes 8(a) kepada Section XV di dalam Perintah Duti Kastam 2017.
7.		Ketua Pengarah Kastam Malaysia memutuskan pengklasifikasian barangan di atas adalah di bawah kod tarif 7404.00.00 00 (PDK 2017) sebagai <i>Copper wire waste and scrap</i>